



# SIRKIT SUKAN MASUM SIRI 3 D UMIS

Bagi Siri Ketiga pula ia telah berlangsung pada 16-20 Mac 2011 yang mana kejohanan ini telah berlangsung di Universiti Malaysia Sabah. Seramai 48 orang atlet telah mengambil bahagian dengan diringi 5 pegawai dan kejohanan telah berlangsung selama 5 hari yang mana penyertaan pada kali ini masih kepada Sukan Taekwondo, Rugby dan juga Sepak takraw berpasukan. Pada penyertaan kali ini Kontingen UniMAP turut memenangi kutipan pingat melalui sukan Taekwondo dan Ragbi manakala Sepak Takraw hanya dapat melayakkan pasukan pada peringkat pusingan suku akhir sahaja. Berikut adalah keputusan penuh bagi kejohanan kali ini :

Pasukan Taekwondo telah meraih 2 pingat perak bagi acara Pomsae Individu Wanita dan Pomsae Berkumpulan wanita manakala 2 pingat gangsa bagi cara Light Lelaki dan juga Middle wanita. Manakala bagi sukan Ragbi pula mereka telah melepasi kategori plate dan sekadar menduduki tempat ke 5 didalam kejohanan dan pasukan Sepak Takraw pula sekadar layak ke peringkat suku akhir sahaja. Tahniah diucapkan kepada para atlet dan juga para pegawai diatas semangat kesukanan yang telah ditunjukkan.

**“ UniMAP Mantap ”**